



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
(PETRA)

PELAKSANAAN PROJEK PLSB SUNGAI SARAWAK
DENGAN KOS KESELURUHAN RM191 JUTA TANGANI ISU
BANJIR DI KUCHING

KUCHING, 13 April 2026 – Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) komited dalam menjamin kesejahteraan rakyat melalui pelaksanaan infrastruktur tebatan banjir yang efektif di Sarawak. Yang Amat Berhormat Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri PETRA hari ini meninjau lokasi Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Gersik dan RTB Sungai Sinjan bersempena PETRA Skuad 2026 Zon Sarawak, bagi melihat sendiri kemajuan fizikal Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Sarawak (Pakej 3).

Projek PLSB Sungai Sarawak (Pakej 3) adalah antara usaha Kerajaan dalam menangani isu banjir di kawasan Bandaraya Kuching. Projek ini merangkumi:

- Rancangan Tebatan Banjir di Sungai Gersik, Kuching.
- Rancangan Tebatan Banjir di Sungai Sinjan, Kuching; dan
- Kerja-kerja mendalamkan dan melebarkan Sungai Tengah dan Sungai Minjap, Matang.

Pelaksanaan Projek PLSB Sungai Sarawak (Pakej 3) dengan kos sebanyak RM41.96 juta telah bermula pada 21 Mei 2024 dan dijangka siap sepenuhnya pada 7 Oktober 2027. Projek ini adalah salah satu pelengkap kepada **Projek PLSB Sungai Sarawak dengan kos projek keseluruhan berjumlah RM191 juta**. PLSB Sungai Sarawak melibatkan:

- Pakej 1 (Kos Kontrak) : RM18.67 juta
- Pakej 2 (Kos Kontrak) : RM23.86 juta
- Pakej 3 (Kos Kontrak) : RM41.96 juta

Manakala baki peruntukan berjumlah RM106.51 juta bagi skop perkhidmatan perunding, kerja ukur, pengambilan tanah dan pengalihan utiliti.

Kerajaan yakin penyiapan projek ini akan memberi manfaat kepada 22,600 penduduk sekitar dan dianggarkan seluas 130 hektar kawasan akan dilindungi daripada risiko bencana banjir dengan tahap perlindungan sehingga 20 *Average Recurrence Interval* (ARI). Projek ini dijangka akan turut merancakkan pelbagai aktiviti sosio-ekonomi serta meningkatkan kelangsungan kehidupan penduduk setempat.

Semasa jelajah hari kedua PETRA Skuad Zon Sarawak, rombongan PETRA Skuad juga turut berkesempatan singgah melihat perkembangan terkini Kerja Naiktaraf Sistem Saliran di Sekolah Kebangsaan Muara Tuang, Samarahan yang merupakan salah satu skop kerja di bawah Projek PLSB Sungai Sarawak Pakej 1.

Kerajaan Persekutuan sentiasa komited memastikan kesejahteraan rakyat menjadi keutamaan, sejajar dengan konsep Malaysia MADANI

yang menekankan kemampanan, kesejahteraan dan keprihatinan terhadap keperluan rakyat secara menyeluruh.

Projek PLSB Sungai Sarawak merupakan antara inisiatif Kementerian bersama JPS dalam memperkukuh agenda transformasi air negara menerusi pemeraksanaan pengurusan sumber air secara bersepadu dan mampan sebagai teras adaptasi terhadap perubahan iklim.

Usaha ini bukan sahaja melindungi rakyat daripada risiko banjir, tetapi juga menjadi sebahagian daripada naratif nasional dalam membina daya tahan iklim, memastikan kelestarian ekosistem sungai, serta menyokong pembangunan sosioekonomi yang lebih inklusif dan berdaya tahan.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR

13 April 2026

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my



**MALAYSIA
MADANI**

PETRA



PETRAMALAYSIA

Malaysia
VISIT
2026
Truly Asia